

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL HILTON PETALING JAYA
UPACARA PELANCARAN KEMPEN KEBANGSAAN MENINGKATKAN
PELUANG PEKERJAAN BAGI ORANG-ORANG CACAT DI SEKTOR
SWASTA
19 MEI 1990

Yang Berhormat Datuk Lim Ah Lek, Menteri Sumber Manusia; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk memberi ucapan dan seterusnya melancarkan Kempen Kebangsaan Meningkatkan Peluang Pekerjaan Bagi Orang-orang Cacat Di Sektor Swasta. Saya berasa gembira di beri peluang ini kerana kebajikan orang-orang cacat adalah satu perkara yang sentiasa menarik perhatian saya.

2. Sebagai insan yang bernasib baik kerana dianugerahkan Tuhan dengan sifat-sifat yang sempurna, kita seharusnya tidak lupa kepada insan yang kurang bernasib baik, yang juga mempunyai cita-cita hidup dan harapan yang sama seperti kita. Kita hendaklah sentiasa berusaha membantu golongan yang kurang bernasib baik ini untuk membolehkan mereka memenuhi cita-cita dan harapan mereka. Oleh itu langkah melaksanakan kempen ini merupakan satu usaha yang baik dan murni yang patut diberikan sokongan.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia, atas kebijaksanaan dan kegigihannya menggerakkan pelaksanaan kempen ini. Saya mendapat tahu walaupun kempen ini baru berjalan selama dua bulan, Kementerian Sumber Manusia telah berjaya mendapatkan 1,000 pekerjaan bagi orang-orang cacat dalam sector perkilangan di Semenanjung Malaysia. Saya berharap kempen ini akan terus berjaya mencapai objektif-objektif yang dihasratkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Masih ramai lagi yang menganggap bahawa orang-orang cacat adalah golongan masyarakat yang lemah, tidak berdaya dan tidak boleh berdikari. Anggapan negatif ini berpunca daripada keadaan masa lampau di mana kebanyakan orang-orang cacat adalah daif dan tidak berkemampuan untuk menyara diri sendiri dan oleh itu perlu diberi segala perlindungan dan bantuan. Tetapi hari ini hasil daripada kemajuan yang dicapai oleh orang-orang cacat dalam berbagai-bagai lapangan, khususnya lapangan pendidikan dan latihan vokasional, anggapan sedemikian sudah ketinggalan zaman. Dengan kemajuan-kemajuan tersebut, orang-orang cacat tidak lagi mengharap derma dan bantuan semata-mata, sebaliknya mereka lebih ingin diberi peluang yang saksama untuk hidup sebagai insan yang berguna yang boleh berdikari seperti anggota masyarakat biasa. Kesimpulannya, apa yang mereka mahukan ialah peluang untuk berganding bahu dengan masyarakat biasa dalam menyumbang secara produktif

kepada pembangunan negara dan seterusnya sama-sama menikmati kemakmuran yang diperolehi daripada pembangunan itu.

5. Pada masa ini terdapat lebih kurang 165,000 orang cacat di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 89,000 orang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 55 tahun yang dianggap sebagai golongan yang boleh bekerja. Tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang diberi peluang bekerja di sektor swasta. Baru-baru ini Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan satu kajian mengenai penggajian orang-orang cacat di sektor swasta. Kajian tersebut menunjukkan bilangan pekerja cacat adalah seramai 618 orang sahaja. Keadaan ini amatlah memeranjat dan mengecewakan kerana peratusan penyertaan orang-orang cacat dalam lapangan pekerjaan di sektor swasta adalah masih terlalu rendah daripada tahap yang diharapkan. Ini juga menunjukkan bahawa masih terlalu ramai majikan di sector swasta yang belum menyedari dan memenuhi tanggungjawab sosial mereka untuk membuka peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Dalam sektor awam, saya difahamkan kerajaan telah menetapkan satu dasar baru memperuntukkan satu peratus daripada peluang pekerjaan di sektor ini kepada orang-orang cacat. Di sini saya ingin menyeru para majikan di sector swasta supaya mencontohi langkah yang telah diambil oleh sektor awam. Para majikan hendaklah mengikis prasangka dan pandangan negatif mereka terhadap kebolehan dan kemampuan orang-orang cacat dan membuka sebanyak mungkin peluang-peluang pekerjaan kepada mereka. Pengalaman menunjukkan bahawa, jika diberi peluang serta latihan yang bersesuaian, orang-orang cacat memang mampu melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka dengan cekap dan berkesan.

7. Tidak dapat dinafikan bahawa ada banyak jenis pekerjaan yang boleh disesuaikan dan diuntukkan kepada orang-orang cacat di sektor swasta. Oleh itu selaras dengan langkah yang telah diambil oleh sektor awam, saya berharap sector swasta akan turut mengadakan 'quota system' untuk memperuntukkan sebahagian tertentu daripada pekerjaan di sektor swasta kepada orang-orang cacat. Pada masa sekarang terdapat kira-kira 2.7 juta pekerjaan di sektor swasta. Daripada jumlah pekerjaan tersebut, jika sekiranya ditetapkan 'quota' pada kadar 1%, sebanyak 27,000 peluang pekerjaan baru boleh diwujudkan untuk orang-orang cacat di sektor swasta. 'Quota system' ini pasti boleh berjaya jika setiap majikan sanggup memberi komitmen dan kerjasama untuk melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing terhadap orang-orang cacat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Dalam usaha menempatkan orang-orang cacat dalam pekerjaan, pusat-pusat latihan bagi orang-orang cacat hendaklah sentiasa menentukan bahawa jenis latihan yang diberikan kepada orang-orang cacat hendaklah selaras dan bersesuaian dengan keperluan pasaran buruh untuk mengelakkan timbulnya keadaan di mana orang-orang cacat yang terlatih masih juga menganggur semata-mata kerana kemahiran yang

diperolehi tidak mempunyai sebarang permintaan dalam pasaran buruh. Pada masa ini kemudahan latihan bagi orang-orang cacat disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan- pertubuhan orang cacat dan hanya beberapa buah syarikat swasta sahaja yang menyediakan latihan secara kecil-kecilan bagi pekerja-pekerja cacat. Saya berharap para majikan sektor swasta, terutama sekali syarikat-syarikat besar, akan turut menyediakan kemudahan latihan bagi orang-orang cacat. Malah latihan yang disediakan sendiri oleh syarikat-syarikat swasta merupakan latihan yang paling baik kerana ia dapat memenuhi keperluan kemahiran yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat berkenaan.

9. Ramai di kalangan majikan yang enggan menggaji orang-orang cacat memberi alasan bahawa jenis-jenis pekerjaan yang terdapat syarikat-syarikat mereka tidak sesuai untuk orang-orang cacat. Saya berharap majikan-majikan yang berkenaan tidak menggunakan alasan seperti ini dengan sewenang-wenangnya semata-mata untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab sosial mereka terhadap orang-orang cacat. Saya fikir apa yang penting ialah kesanggupan dan keikhlasan untuk membantu orang-orang cacat, dan jika sikap bertimbangrasa dan pemurah dapat diamalkan oleh para majikan, soal pengwujudan peluang-peluang pekerjaan bagi orang-orang cacat tidak lagi menjadi satu masalah yang tidak boleh diatasi.

10. Untuk meningkatkan keberkesanan usaha-usaha membantu orang-orang cacat dalam lapangan pekerjaan, saya berharap agar Kementerian Sumber Manusia akan dapat menyediakan Perkhidmatan Nasihat Teknik atau Technical Advisory Service. Di antara lain, perkhidmatan tersebut hendaklah menjalankan tiga fungsi utama.

11. Pertamanya, menyediakan khidmat kaunseling untuk membimbing bakal-bakal pekerja cacat menentukan jenis pekerjaan yang paling sesuai untuk mereka. Khidmat kaunseling ini amat perlu kerana dalam penempatan orang-orang cacat dalam pekerjaan, faktor-faktor seperti jenis kecacatan yang dialami, jenis kemahiran yang dipunyai dan jenis pekerjaan yang ada harus diambil kira dan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk menentukan supaya orang-orang cacat ditempatkan dalam pekerjaan yang paling sesuai agar mereka dapat bekerja dengan cekap dan produktif.

12. Keduanya, menyediakan khidmat nasihat untuk membantu para majikan mengenal-pasti jenis-jenis pekerjaan yang boleh diuntukkan kepada orang-orang cacat dan menentukan pengubah-suaian yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan pekerjaan itu sesuai bagi orang-orang cacat.

13. Ketiganya, memberi nasihat dan bantuan susulan kepada pihak majikan dan juga pihak pekerja untuk mengatasi sebarang masalah yang timbul selepas seseorang pekerja cacat ditempatkan dalam pekerjaan. Bagi menentukan supaya nasihat dan kaunseling yang diberikan adalah baik dan berkesan, pegawai-pegawai yang menjalankan tugas tersebut hendaklah diberi latihan yang sesuai dan mencukupi.

14. Untuk menggalakkan para majikan menggaji orang-orang cacat, saya fikir satu sistem insentif yang lebih menarik selain daripada yang sedia ada harus diwujudkan.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya satu kajian dibuat dengan secepat mungkin bagi tujuan mewujudkan satu sistem insentif yang boleh mendorong lebih ramai majikan mengambil pekerja-pekerja cacat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada Kementerian Sumber Manusia atas kesungguhan dan kegigihannya melaksanakan kempen untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi orang-orang cacat. Saya berharap majikan-majikan di sektor swasta, yang menjadi sasaran kempen ini, akan tampil ke hadapan untuk memberi kerjasama dan sokongan yang diperlukan agar kempen ini berjaya mencapai objektifnya. Majikan-majikan yang belum lagi memberi sokongan dan kerjasama kepada kempen ini, saya berharap agar mereka mengubah sikap dan menyokong kempen ini dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Kepada majikan-majikan yang telah memberi sokongan kepada kempen ini, saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih atas jasa dan budi baik mereka, yang akan sentiasa dihargai dan dikenang.

16. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan dengan rasminya Kempen Kebangsaan Meningkatkan Peluang Pekerjaan Bagi Orang-Orang Cacat Di Sektor Swasta dengan doa dan harapan agar segala usaha akan menghasilkan kejayaan.